

153 mangsa masih berada di pusat pemindahan

KUALA TERENGGANU: Keadaan banjir di negeri ini beransur pulih apabila hanya 153 mangsa daripada 34 keluarga masih berada di pusat pemindahan di Besut dan Hulu Terengganu sehingga jam 6 petang, semalam.

Jurucakap Majlis Keselamatan Negara berkata, 110 mangsa membabitkan 24 keluarga masih berada di empat pusat pemindahan di Hulu Terengganu manakala 43 mangsa daripada 10 keluarga ditempatkan di dua pusat pemindahan di Besut.

"Kebanyakan mangsa masih ditempatkan di pusat pemindahan kerana banjir di rumah mereka belum surut berikutan kediaman berhampiran sungai.

"Cuaca yang bertambah baik sejak tengah hari semalam membolehkan mangsa di pusat pemindahan di Kemaman, Setiu dan Dungun pulang ke rumah masing-masing," katanya.

Menurutnya, beberapa jalan di Hulu Terengganu masih dinaiki air antaranya jalan utama masuk ke Felde Mengkawang-Tersat sedalam 2 meter, Jalan Kampung Penoh (0.8 meter), Jalan Bukit Diman/Pengkalan Ajal-Simpang Felde Tersat (1 meter) dan Jalan Kuala Berang-Sungai Tong di Kampung Matang dan Kampung Kepah (0.6 meter).

Jalan Chukai-Air Putih di Kampung Sungai Pinang, Kemaman turut dinaiki air setinggi 0.5 meter.